

Surat Penyampaian



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

YANG AMAT BERTHORMAT
TUAN LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI
PULAU PINANG.

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak - 1972), saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 yang telah diaudit untuk dibentangkan di Mesyuarat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan hormatnya dikemukakan,

DATO' SARUL BAHYAH BINTI HAJI ABU
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Pengawal dan kakitangan di Jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Kewangan Negeri khususnya di atas dedikasi dan komitmen dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tersebut. Perancangan yang rapi dan tersusun juga telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 disediakan dengan sempurna untuk diaudit serta dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

DATO' SARUL BAHYAH BINTI HAJI ABU

Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2016

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak - 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusan kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kedudukan Kewangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2016; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya

27 April 2017



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2016

Kandungan

Muka Surat

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri
dan Bendahari Negeri

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Penyata Prestasi Kewangan

Penyata Akaun Memorandum

Nota kepada Penyata Kewangan

Lampiran

- A. Penyata Perbelanjaan Mengurus
- B. Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- C. Penyata Akaun Memorandum Pinjaman
Boleh Dituntut
- D. Penyata Akaun Memorandum Pelaburan

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang ini disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Pada tahun ini Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 09 Januari 2017. Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusan perakaunan kecuali maklumat Aset dan Liabiliti bagi tahun 2016 dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Maklumat Aset dan Liabiliti dilaporkan hanya sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum.


Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2016 berjumlah RM1,828.53 juta meningkat sebanyak RM269.09 juta daripada tahun 2015. Peningkatan ini adalah hasil daripada peningkatan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM89.21 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM179.88 juta berbanding tahun 2015. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara tahun 2015 dan 2016 bagi akaun-akaun dalam Kumpulan Wang Disatukan. Carta 1 pula menunjukkan peningkatan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2012 – 2016.

JADUAL 1
PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN-AKAUN
KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI
BAGI TAHUN 2015 DAN 2016

	2016	2015	+ / (-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	1,041.74	952.53	89.21
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	786.79	606.91	179.88

KUMPULAN WANG DISATUKAN	1,828.53	1,559.44	269.09
-------------------------	----------	----------	--------

**CARTA 1: KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2012 – 2016**



2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.1 WANG AWAM

2.1.1 Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai dalam Bank, Wang Tunai dalam Perjalanan dan Wang Tunai dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak

RM9.93 juta adalah mencakupi Wang Tunai dalam Bank sejumlah RM9.03 juta, Wang Tunai dalam Perjalanan sebanyak RM0.56 juta dan Wang Tunai dalam Tangan sejumlah RM0.34 juta.

Baki Wang Tunai pada akhir tahun 2016 meningkat sebanyak RM2.94 juta berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM6.99 juta. Jumlah Wang Tunai dalam Perjalanan menurun sebanyak RM0.09 juta berbanding RM0.65 juta pada tahun 2015, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

JADUAL 2
KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2015 DAN 2016

	2016	2015	+ / (-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	9.03	6.00	3.03
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.56	0.65	(0.09)
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.34	0.34	0.00
JUMLAH WANG TUNAI	9.93	6.99	2.94

2.1.2 Pelaburan

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2016 berjumlah RM1,818.60 juta. Amaun ini terdiri daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM1,757 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM30.15 juta. Deposit Dalam Negeri meningkat sebanyak RM258.00 juta berbanding sebanyak RM1,499.00 juta tahun 2015. Pelaburan Ekuiti tidak berubah berbanding tahun 2015. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dalam bentuk simpanan tetap sebanyak RM30.15 juta meningkat sebanyak RM8.15 juta berbanding tahun 2015 sebanyak RM22.00 juta. Kumpulan Wang Amanah yang terlibat adalah dari Kumpulan Wang

Amanah Bantuan TYT YDP Negeri Pulau Pinang dan Akaun Amanah Penang
Future Foundation.


2.2 KUMPULAN WANG DISATUKAN

2.2.1 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2016 dengan lebih berjumlah RM89.21 juta. Lebih ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM1,029.84 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM940.63 juta. Lebih ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat dari RM952.53 juta dalam tahun berakhir 2015 menjadi RM1,041.74 juta bagi tahun berakhir 2016.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2012 sehingga tahun 2016.

**CARTA 2: KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2012 – 2016**



2.2.1.1 Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2016. Pada tahun 2016 hasil meningkat sebanyak RM132.18 juta berbanding tahun 2015. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di Jadual 3.

**CARTA 3: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2016**

**JADUAL 3
PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL
BAGI TAHUN 2012 – 2016**

KOMPONEN	TAHUN				
	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	116.64	120.17	129.50	128.92	133.11
HASIL BUKAN CUKAI	416.43	511.71	534.48	591.77	579.80
TERIMAAN BUKAN HASIL	121.48	201.83	135.73	176.97	316.93
JUMLAH	654.55	833.71	799.71	897.66	1,029.84

a. Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2016 meningkat sebanyak RM4.19 juta berbanding tahun 2015. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Pada tahun 2016, Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah sebanyak RM116.88 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM2.94 juta dari tahun 2015.

b. Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2016 menurun sejumlah RM11.97 juta berbanding tahun 2015. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan, Denda dan Hukuman serta Sumbangan dan Bayaran Ganti. Hasil paling tinggi yang dikutip bagi kategori ini adalah bagi Perolehan dari Jualan Barang-barang iaitu sebanyak RM388.83 juta. Hasil di bawah kategori ini menurun sebanyak RM31.86 juta berbanding tahun 2015.

c. Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan dan Terimaan dari Agensi Kerajaan. Terimaan di bawah kategori ini bagi tahun 2016 berjumlah RM316.93 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM139.96 juta berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM176.97 juta.


2.2.1.2 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2016 berjumlah RM940.63 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM14.67 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM925.96 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Emolumen sebanyak RM158.60 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM135.13 juta, Perolehan Aset sebanyak RM6.06 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM637.90 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM2.94

juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2016.

Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di Jadual 4.

CARTA 4: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2016



**JADUAL 4
PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2012 – 2016**

KOMPONEN	TAHUN				
	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)
EMOLUMEN	124.65	134.74	142.28	142.85	158.60
PERKHIDMATAN & BEKALAN	98.38	109.12	113.39	124.97	135.13
ASET	3.14	6.77	6.71	6.81	6.06

PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	311.45	578.17	481.14	543.70	637.90
PERBELANJAAN LAIN	2.46	3.61	2.02	7.55	2.94
JUMLAH	540.08	832.41	745.54	825.88	940.63

a. Emolumen

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM158.60 juta pada tahun 2016. Jumlah ini meningkat sebanyak RM15.75 juta berbanding tahun 2015. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan dan pelaksanaan rasionalisasi skim perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia.

b. Perkhidmatan dan Bekalan

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli, penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM10.16 juta berbanding perbelanjaan tahun 2015.

c. Aset

Jumlah perbelanjaan Aset bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM6.06 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM0.75 juta berbanding tahun 2015. Peratusan perbelanjaan di bawah komponen ini adalah rendah disebabkan penyemakan semula cadangan perolehan aset berasaskan kepada keperluan sebenar jabatan, penentuan kadar harga yang tepat di samping pendekatan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri.

d. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM637.90 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM94.20 juta berbanding tahun 2015. Perbelanjaan bagi komponen ini

adalah merupakan peratusan yang paling besar berbanding komponen perbelanjaan yang lain. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah penyaluran bantuan kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan juga pemindahan dana ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan kerajaan.

e. Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM2.94 juta iaitu menurun RM4.61 juta berbanding tahun 2015.

2.2.2 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

2.2.2.1 Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2016 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2015. Tiada terimaan dan pindahan pinjaman bagi tahun 2016. Jadual 5 menunjukkan prestasi akaun pinjaman disatukan dari tahun 2012 hingga 2016.


JADUAL 5
PRESTASI AKAUN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2012 – 2016

PERIHAL	TAHUN				
	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERIMAAN PINJAMAN	14.69	3.16	13.00	11.00	0.00
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	14.69	3.16	13.00	11.00	0.00
JUMLAH	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

2.2.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2016 berjumlah RM786.79 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM179.88 juta berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM606.91 juta. Carta 5 menunjukkan kedudukan Akaun Amanah Disatukan dari tahun 2012 hingga 2016 manakala jadual 6 pula menunjukkan prestasi komponen Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri bagi tempoh yang sama.

CARTA 5: KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI DARI TAHUN 2012 – 2016



JADUAL 6
PRESTASI KOMPONEN AKAUN AMANAH DISATUKAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2012 – 2016

PERIHAL	TAHUN				
	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	45.67	85.80	54.06	27.57	37.30
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	118.03	152.17	146.38	150.11	141.77
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	112.87	145.61	271.07	313.34	427.88
AKAUN WANG DEPOSIT	90.40	81.95	103.76	115.89	179.84
JUMLAH	366.97	465.53	575.28	606.91	786.79

2.2.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Penerimaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM245.00 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi RM13.52 juta, Sewa Beli Daripada Perumahan Murah RM2.45 juta, Jualan Rumah Kos Rendah RM0.17 juta, Pindahan dari Kumpulan Wang Amanah RM30.00 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada PDC RM0.64 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada MPSP RM5.00 juta, Pajak PBA

RM19.41 juta dan Terimaan Balik Pinjaman daripada PBA RM1.00 juta. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM307.45 juta.

2.2.3.2 Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulan Wang. Secara keseluruhannya jumlah baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini menurun sebanyak RM8.34 juta berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM150.11 juta.

2.2.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang ini pada tahun berakhir 2016 ialah sebanyak RM427.88 juta meningkat sejumlah RM114.54 juta berbanding baki bagi tahun 2015.

2.2.3.4 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2016, wang deposit keseluruhannya berjumlah RM179.84 juta.

3. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

3.1. Aset

Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Bayaran Air Mentah.

3.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd. Sehingga tahun 2016, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM183.55 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang sebanyak RM2.61 juta, Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak RM70.46 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM4.30 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. sebanyak RM73.00 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

3.1.2. Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan pelaburan-pelaburan ekuiti dalam PBA Holdings Bhd., Maxis dan Astro. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2016 ialah RM238.81 juta. Pengurus Dana memegang sebanyak RM32.97 juta, Maxis Bhd. RM25.25 juta, Astro Bhd. RM3.03 juta, Malaysia Airport Berhad (Right Issue) RM4.73 juta dan PBA Holdings Bhd sebanyak RM172.83 juta.

3.1.3 Hasil Belum Terima

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2016, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM82.95 juta. Jumlah ini menurun sebanyak

RM0.99 juta berbanding tahun 2015 iaitu RM83.94 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM59.14 juta dan perumahan negeri berjumlah RM17.26 juta.

3.1.4. Bayaran Fi Air Mentah

Baki Bayaran Fi Air Mentah bagi tahun berakhir 2016 adalah sejumlah RM4.82 juta. Jumlah berkurang berbanding RM2.25 juta bagi tahun berakhir 2015.

3.2. LIABILITI

3.2.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2016 berjumlah RM66.33 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM3.13 juta berbanding baki tahun 2015 berjumlah RM69.47 juta.

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

(a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* ; dan

(b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2016.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2016.

SARUL BAHYAH BINTI HAJI ABU
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
Januari 2017

KALTHOM BINTI SALIM
Bendahari Negeri Pulau Pinang
Januari 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2016

		<u>2016</u>	<u>2015</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	9,933,825.82	6,993,142.81
PELABURAN	4	1,818,600,000.00	1,552,450,000.00
		1,828,533,825.82	1,559,443,142.81
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,041,746,225.20	952,529,742.07
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	786,787,600.62	606,913,400.74
		1,828,533,825.82	1,559,443,142.81

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

		<u>2016</u>		<u>2015</u>	
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		133,112,821.51		128,919,626.12	
Hasil Bukan Cukai		579,799,792.91		591,769,021.27	
Terimaan Bukan Hasil		<u>316,934,735.56</u>	1,029,847,349.98	<u>176,972,604.61</u>	897,661,252.00
 Pinjaman	6				
Dalam Negeri		0.00		11,000,000.00	
		<u> </u>	0.00	<u> </u>	11,000,000.00
 Terimaan Modal	7				
Pelbagai Terimaan Modal		72,188,056.06		48,338,163.35	
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	72,188,056.06	<u> </u>	48,338,163.35
 Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		170,142,074.32		58,126,764.64	
		<u> </u>	170,142,074.32	<u> </u>	58,126,764.64
 Jumlah Terimaan			<u>1,272,177,480.36</u>		<u>1,015,126,179.99</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

		<u>2016</u>	<u>2015</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	5		
Emolumen		158,597,870.39	142,848,995.94
Perkhidmatan dan Bekalan		135,128,385.07	124,974,605.02
Aset		6,063,944.18	6,805,921.81
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		388,813,858.07	420,651,926.44
Perbelanjaan Lain		<u>2,939,198.31</u>	<u>7,546,472.72</u>
		691,543,256.02	702,827,921.93
Perbelanjaan Pembangunan	7		
Langsung		307,455,930.50	180,828,910.94
Pinjaman		<u>0.00</u>	<u>14,000,000.00</u>
		307,455,930.50	194,828,910.94
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>266,150,000.00</u>	<u>103,750,000.00</u>
		266,150,000.00	103,750,000.00
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		4,087,610.83	3,053,559.08
Kepada Agensi		<u>0.00</u>	<u>11,000,000.00</u>
		4,087,610.83	14,053,559.08
Bayaran Lain			
Akaun Amanah	7	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		0.00	0.00
Jumlah Bayaran		<u>1,269,236,797.35</u>	<u>1,015,460,391.95</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		2,940,683.01	(334,211.96)
Wang Tunai Pada 1 Januari		6,993,142.81	7,327,354.77
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>9,933,825.82</u>	<u>6,993,142.81</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

		<u>2016</u>	<u>2015</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	687,396,910.00	1,029,847,349.98
<u>Tolak</u> :			
Belanja Mengurus	5	979,526,843.00	695,630,866.85
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(292,129,933.00)	334,216,483.13
<u>Tolak</u> :			
Belanja Pembangunan	7	346,123,190.00	307,455,930.50
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(638,253,123.00)	26,760,552.63
DIBIAYAI OLEH:			
Pinjaman	6		0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		72,188,056.06
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(98,948,608.69)
JUMLAH PEMBIAYAAN			(26,760,552.63)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2016

		<u>2016</u>	<u>2015</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		183,558,361.25	159,320,045.10
Pelaburan		238,814,036.97	239,673,929.52
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		66,332,240.75	69,467,942.40

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan :
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusanniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusanniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2016 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS) - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016 RM	2015 RM
Wang Tunai Dalam Bank	9,030,364.89	6,006,395.06
Wang Tunai Dalam Perjalanan	565,560.93	649,567.70
Wang Tunai Dalam Tangan	337,900.00	337,180.05
JUMLAH WANG TUNAI	9,933,825.82	6,993,142.81

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2016 Nilai Buku		2015 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Saham	0.00	31,450,000.00	0.00	31,450,000.00
Deposit Dalam Negeri	30,150,000.00	1,757,000,000.00	22,000,000.00	1,499,000,000.00
<i>Jumlah</i>	30,150,000.00	1,788,450,000.00	22,000,000.00	1,530,450,000.00
JUMLAH PELABURAN	1,818,600,000.00		1,552,450,000.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakaun semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut :

Perihal	2016			2015	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		952,529,742.07		880,749,971.08	
HASIL					
Hasil Cukai	135,796,350.00	133,112,821.51	98.02	128,919,626.12	98.08
Hasil Bukan Cukai	448,840,560.00	579,799,792.91	129.18	591,769,021.27	133.89
Terimaan Bukan Hasil	102,760,000.00	316,934,735.56	308.42	176,972,604.61	211.92
Jumlah Hasil	687,396,910.00	1,029,847,349.98	149.82	897,661,252.00	136.64
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	165,383,511.00	158,597,870.39	95.90	142,848,995.94	90.37
Perkhidmatan dan Bekalan	147,253,018.00	135,128,385.07	91.77	124,974,605.02	90.83
Aset	7,346,404.00	6,063,944.18	82.54	6,805,921.81	89.60
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	433,389,790.00	392,901,468.90	90.66	423,705,485.52	92.52
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	6,154,120.00	2,939,198.31	47.76	7,546,472.72	125.10
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	759,526,843.00	695,630,866.85	91.59	705,881,481.01	92.00
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	220,000,000.00	245,000,000.00		120,000,000.00	
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	979,526,843.00	940,630,866.85	96.03	825,881,481.01	93.08
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		89,216,483.13		71,779,770.99	
BAKI PADA 31 DISEMBER		1,041,746,225.20		952,529,742.07	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut :

Perihal	2016				2015	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	123,844,800.00	123,844,800.00	116,880,006.50	94.38	113,942,054.42	94.22
Cukai Parit Dan Taliair	761,550.00	761,550.00	576,669.09	75.72	600,746.72	71.16
Cukai Langsung Yang Lain	190,000.00	190,000.00	156,330.00	82.28	122,580.00	73.62
Cukai Hiburan	11,000,000.00	11,000,000.00	15,499,815.92	140.91	14,254,244.98	150.04
Jumlah Hasil Cukai	135,796,350.00	135,796,350.00	133,112,821.51	98.02	128,919,626.12	98.08

(disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut :

Perihal	2016				2015	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	9,146,530.00	9,146,530.00	13,227,542.22	144.62	11,457,033.52	138.08
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	78,639,790.00	78,639,790.00	80,087,062.87	101.84	81,945,099.57	124.31
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	295,143,510.00	295,143,510.00	388,829,501.75	131.74	420,694,926.05	136.38
Sewaan	7,381,730.00	7,381,730.00	7,964,324.69	107.89	7,429,676.08	138.36
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	52,794,000.00	52,794,000.00	70,618,672.12	133.76	65,434,382.52	129.87
Denda dan Hukuman	5,635,000.00	5,635,000.00	6,630,286.26	117.66	4,736,374.81	133.99
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	100,000.00	100,000.00	12,442,403.00	12,442.40	71,528.72	0.00
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	<i>448,840,560.00</i>	<i>448,840,560.00</i>	<i>579,799,792.91</i>	<i>129.18</i>	<i>591,769,021.27</i>	<i>133.89</i>
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	3,010,000.00	3,010,000.00	42,352,029.28	1,407.04	12,276,385.51	407.85
Terimaan daripada Agensi-agensi	99,750,000.00	99,750,000.00	274,582,706.28	275.27	164,696,219.10	204.59
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	<i>102,760,000.00</i>	<i>102,760,000.00</i>	<i>316,934,735.56</i>	<i>308.42</i>	<i>176,972,604.61</i>	<i>211.92</i>
JUMLAH HASIL	687,396,910.00	687,396,910.00	1,029,847,349.98	149.82	897,661,252.00	136.64

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut :

Maksud Perbelanjaan	2016			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja	3,429,320.00	3,429,320.00	2,931,255.91	85.48
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	231,600.00	231,600.00	117,508.11	50.74
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	23,145,200.00	23,145,200.00	11,617,558.32	50.19
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	<i>26,806,120.00</i>	<i>26,806,120.00</i>	<i>14,666,322.34</i>	<i>54.71</i>
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	146,310,056.00	146,310,056.00	143,086,335.36	97.80
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	9,547,990.00	9,547,990.00	8,367,435.47	87.64
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	7,451,490.00	7,451,490.00	6,857,967.42	92.03
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	6,784,928.00	6,784,928.00	6,056,100.93	89.26
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	8,677,230.00	8,677,230.00	8,083,331.49	93.16
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	7,642,190.00	7,642,190.00	7,146,738.48	93.52
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	6,362,890.00	6,362,890.00	6,131,210.37	96.36
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	37,894,299.00	37,894,299.00	36,954,481.88	97.52
B. 09 Jabatan Perhutanan	3,771,820.00	3,771,820.00	3,553,279.84	94.21

(disambung)

(sambungan)

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2016			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 10 Jabatan Taman Botani	4,917,160.00	4,917,160.00	4,158,103.74	84.56
B. 12 Jabatan Kerja Raya	38,025,930.00	38,025,930.00	35,095,562.67	92.29
